

# BAHAGIA ATAU SENGSARA

Nilai Pelaburan *Anda Menentukannya!*

APA PANDANGAN ANDA BILA MELIHAT DATA-DATA DI BAWAH?

Purata jangka hayat penduduk Malaysia adalah

**75** tahun

**31**%

Ahli yang masih bekerja pada umur 54 tahun.

Jika anda ingin membelanjakan

**RM 800**

sebulan bagi tempoh 20 tahun (55 tahun - 75 tahun), simpanan yang diperlukan adalah sebanyak **RM192,000**.

**69**%

Ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang berumur 54 tahun pada tahun 2013 mempunyai simpanan RM50,000 dan ke bawah.

**50**%

Pesara menghabiskan simpanan KWSP dalam tempoh 5 tahun.

Jika anda ingin membelanjakan **RM800** sebulan bagi tempoh **15 tahun** (andaian anda bersara pada umur 60 tahun), simpanan yang diperlukan adalah sebanyak **RM144,000**

**54**%

Ahli mempunyai simpanan RM20,000 dan ke bawah

Kajian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization) tahun 2007 mendapati penduduk Malaysia mempunyai purata jangka hayat sihat selama

**66** tahun

Dengan purata jangka hayat **75 tahun**, penduduk Malaysia dijangka menjadi warga emas yang lemah dan berpenyakit bagi tempoh **8 ke 10 tahun** terakhir sebelum meninggal dunia.

Mulakan congakan anda dan bandingkan dengan fakta-fakta diberikan. Satu perkara yang perlu dipandang serius, apakah simpanan kita mencukupi untuk menampung sisa-sisa umur selepas persaraan? Anda sepatutnya merasa bersyukur jika hari-hari tua yang dilalui, tiada penyakit kronik yang dialami. Ini bermakna kos perubatan anda dapat diijmatkan.

Tapi apa akan jadi jika anda sememangnya mempunyai penyakit-penyakit kronik seperti diabetes, jantung, dan darah tinggi? Penyakit tiga serangkai yang memungkinkan anda menambah budget yang sedia ada semata-mata untuk menampung kos perubatan di hari tua.

Hakikatnya inilah realiti kehidupan masyarakat Malaysia apabila majoritinya terpaksa menagih simpati anak-anak untuk menguruskan kehidupan di hari tua. Bukan menafikan peranan anak-anak yang sepatutnya bertanggungjawab menjaga ibu bapa sebaliknya apakah kita juga sudah membuat persediaan yang secukupnya?

Mengharap sepenuhnya kepada ihsan anak-anak adalah satu kesilapan yang amat besar. Apa tidaknya, laporan dan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia, sejak tiga tahun lalu (2012-2014) hampir 45,000 individu yang berumur di bawah 35 tahun di negara ini diisytiharkan mufliis. Dan daripada jumlah tersebut, secara puratanya, 41 individu mufliis setiap hari kerana gagal menjelaskan bebanan hutang seperti kad kredit, yuran perubatan, sewa beli dan hutang alang.

Hakikat ini tidak mampu ditolak. Beban hutang yang meningkat, gara-gara kos hidup yang semakin tinggi, membuatkan golongan muda ter-



**BAGI PESARA KERAJAAN, ANDA JUGA SEBENARNYA MASIH BELUM SELAMAT ANDAI BERFIKIRAN, TALIAN HAYAT DUIT PENCEN BOLEH MEMBUAT ANDA SELESA.**



Dr. Mohamad Fazli Sabri

paksa membuat pelbagai pinjaman yang akhirnya menjerat diri. Lebih malang, ramai di kalangan golongan muda akhirnya diisytiharkan bankrap. Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia mendapati, seramai 13,238 orang dikategorikan

bankrap pada 2007, diikuti 13,855 orang pada 2008; 16,228 orang 2009; 18,119 orang 2010; 19,167 orang 2011; dan 19,575 orang pada 2012, dengan mereka yang menceburi sektor swasta dan berniaga menunjukkan peratusan tertinggi.

Dalam tempoh masa tersebut (2007-2013), kaum Melayu dan Cina merupakan kumpulan terbesar menjadi bankrap iaitu masing-masing mencatatkan 45.10 peratus (52,535 orang) dan 32.97 peratus (38,407 orang), berbanding India 12.63 peratus (14,710 orang) dan lain-lain sebanyak 9.30 peratus (10,836 orang).

Justeru, apa harapan kita untuk diletakkan kepada anak-anak apabila melihat angka sedemikian? Inilah realiti kehidupan rakyat Malaysia khususnya bangsa Melayu apabila terpaksa menempuh cabaran hari tua yang memeritkan. Bagi pesara kerajaan, anda juga sebenarnya masih belum selamat andai berfikir, talian hayat duit pencen boleh membuat anda selesa.

"Ini satu kesilapan yang amat besar," begitu kata Dr. Mohamad Fazli Sabri, Ketua Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putera Malaysia (UPM), tatkala berbicara soal pengurusan kewangan hari tua.

Ujarnya yang turut mempunyai kelayakan CFP (FPAM), Shariah FFP (MFPC), kesilapan membuat perhitungan bakal mengundang kemudaratan kerana masing-masing tidak akan tahu apa yang berlaku bila usia semakin meningkat. Tambahnya, keperluan hari tua sekalipun berbeza pada setiap orang, namun masyarakat tidak dapat lari daripada ditimpa pelbagai kemungkinan khususnya berkait rapat dengan soal penjagaan kesihatan.

Justeru mengharap semata-mata